



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI**
Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives



SIARAN MEDIA

MEDAC BERSAMA SKM TEKAD RANCAKKAN SEMULA AKTIVITI AR-RAHNU

Kubang Kerian, Kota Bharu 6 Mac 2021 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) bersama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) tekad merancang kembali aktiviti Ar-Rahnu dalam kalangan masyarakat dan koperasi. Perkara ini bertepatan dengan tindakan Pindaan Akta Koperasi yang dikuatkuasakan pada 1 Mac 2021 yang lepas, di mana seramai 20 orang sahaja diperlukan untuk mendaftarkan sesuatu koperasi, berbanding sebelum ini seramai 50 orang diperlukan untuk pendaftaran koperasi baharu. Secara tidak langsung ia bakal memudahkan penubuhan sesuatu koperasi untuk menceburi aktiviti Ar-Rahnu iaitu pembiayaan bercagarkan barang emas atau barang gadaian yang dilihat dekat di hati rakyat. Aktiviti Ar-Rahnu dapat membantu memudahkan individu atau anggota koperasi mendapatkan sumber kewangan bagi meneruskan kelangsungan hidup atau sebagai modal pusingan perniagaan kepada mana-mana usahawan Bumiputera terutamanya atau anggota koperasi sendiri untuk mendapatkan dana perniagaan dengan lebih mudah dan cepat berbanding jika meminjam daripada institusi kewangan berlesen. Pelaksanaan Ar-Rahnu di kalangan masyarakat setempat terutamanya rakyat di negeri Kelantan yang sangat sinonim dengan pemilikan emas adalah sangat sesuai dan relevan khususnya di kawasan luar bandar.

YB Menteri juga dalam kenyataannya berkata; dalam usaha meningkatkan lagi keyakinan masyarakat terhadap sektor koperasi, MEDAC bersama-sama SKM bakal melancarkan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKom) 2021-2025 tidak lama lagi. Tindakan ini selaras dengan saranan Kerajaan supaya operasi perniagaan koperasi pada masa kini lebih mudah dan kualiti koperasi

yang didaftarkan lebih baik agar sasaran sumbangan perolehan koperasi kepada ekonomi Negara berjumlah **RM100 bilion** menjelang 2030 dapat dicapai.

Pada majlis yang diadakan di HUSM hari ini, YB Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi turut menyampaikan Pembiayaan TMP-SKM dan Tabung Bantuan Koperasi berjumlah **RM4.09 juta** kepada 17 koperasi di negeri Kelantan. Di dalam majlis tersebut juga, MEDAC melalui TEKUN Nasional mengumumkan pembukaan **Platinum Mall Kota Bharu** yang dijangka akan dibuka pada April 2021 khusus kepada para usahawan di kawasan Pantai Timur. Sempena pengumuman itu juga, turut disampaikan surat tawaran penyewaan kepada 5 bakal usahawan di Platinum Mall serta penyerahan pembiayaan kepada 10 orang usahawan Skim Pembiayaan Informal (SPIN) yang masing-masing menerima RM5,000.

YB Menteri juga dalam ucapannya turut memberikan penghargaan kepada koperasi-koperasi di Negeri Kelantan yang menceburkan diri dalam sektor kesihatan; antaranya Koperasi Warga Universiti Sains Malaysia Kelantan Berhad yang dilihat terus bertahan dan berkembang pesat walaupun Negara kini dalam menghadapi krisis ekonomi yang tidak menentu. Ini disebabkan peningkatan permintaan terhadap produk kesihatan seperti *hand glove*, pelitup muka, *hand sanitizer*, vitamin dan ubat-ubatan, perkhidmatan dialisis serta penjualan '*non-medical equipments*' terus mendapat tempat dalam pasaran. MEDAC dan SKM akan terus komited dalam mewujudkan ekosistem keusahawanan koperasi yang holistik, kondusif dan mapan bagi menyokong agenda pembangunan sosio-ekonomi Negara yang seimbang.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI